



GARIS PANDUAN PELANTIKAN

- I) PEMBANTU PENYELIDIK (*RESEARCH ASSISTANT*)**
- II) PEMBANTU PENYELIDIK PELAJAR (*RESEARCH ASSISTANT STUDENT*)**
- III) PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (*GRADUATE RESEARCH ASSISTANT*)**
- IV) *GRADUATE INTERN***

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan dalam urusan pelantikan Pembantu Penyelidik, Pembantu Penyelidik (Pelajar), Pembantu Penyelidik Siswazah dan Graduate Intern di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Garis Panduan ini menerangkan tentang tatacara lantikan oleh Pusat, tujuan lantikan, kemudahan-kemudahan yang diterima semasa lantikan dan syarat-syarat penamatan mengikut lantikan di atas.

2. TAKRIF

Di dalam garis panduan ini, kecuali kandungannya menjelaskan sebaliknya dan selain daripada apa yang didefinisikan dalam garis panduan ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan di sini hendaklah bermaksud seperti berikut:

"Elaun" bermaksud sejumlah wang yang diberikan atas lantikan sebagai Pembantu Penyelidik (Pelajar), Pembantu Penyelidik Siswazah dan *Graduate Intern* (GI) di bawah garis panduan ini;

"Fakulti" bermaksud mana-mana jabatan yang menawarkan program dan kursus pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris;

"Gaji" bermaksud sejumlah wang yang diberikan atas lantikan sebagai Pembantu Penyelidik di bawah garis panduan ini;

"Geran Anugerah" bermaksud sejumlah wang yang dihadiahkan oleh pihak luar kepada mana-mana penyelidik yang memenangi pertandingan penyelidikan;

"Geran GPU" bermaksud geran penyelidikan yang dibiayai menggunakan peruntukan geran penyelidikan universiti;

"Geran KPT" bermaksud sebarang geran penyelidikan yang diterima daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);

"Geran Luar dan Antarabangsa" bermaksud geran yang diterima daripada mana-mana institusi kerajaan selain daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau institusi swasta dalam dan luar Negara bagi tujuan menjalankan penyelidikan;

"Graduate Intern" bermaksud individu yang dilantik bagi membantu menjalankan Program Pemindahan Ilmu (KTP);

"Jawatankuasa Penyelidikan" bermaksud jawatankuasa penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (JPU) yang berperanan untuk merancang, mengurus dan menentukan hal-hal pentadbiran dan pengurusan penyelidikan Universiti;

"Ketua Penyelidik" bermaksud pensyarah yang memohon dan diluluskan geran penyelidik kepadanya untuk mengetuai satu-satu penyelidikan, sama ada secara bersendirian atau berkumpulan;

"Knowledge Transfer Programme" bermaksud Program Pemindahan Ilmu (KTP) yang dibiayai oleh KPT atau UPSI;

"Penyelidik" bermaksud pensyarah UPSI yang menjalankan aktiviti penyelidikan;

"Pembantu Penyelidik" bermaksud individu yang dilantik bagi menjalankan penyelidikan, pengumpulan data, menguruskan peralatan penyelidikan dan urusan-urusan lain yang berkaitan dengan projek penyelidikan penyelidik;

"Pembantu Penyelidik (Pelajar)" bermaksud pelajar prasiswazah atau pasca siswazah UPSI yang dilantik bagi menjalankan penyelidikan, pengumpulan data, menguruskan peralatan penyelidikan dan urusan-urusan lain yang berkaitan dengan projek penyelidikan penyelidik;

"Pembantu Penyelidik Siswazah" bermaksud pelajar pasca siswazah UPSI yang berdaftar di Institut Pengajian Siswazah yang dilantik bagi membantu menjalankan aktiviti penyelidikan, pengumpulan data, menguruskan peralatan penyelidikan dan urusan-urusan lain yang berkaitan dengan projek penyelidikan penyelidik;

"Pengecualian Yuran Pengajian" bermaksud satu pelepasan tanggungjawab ke atas seseorang pelajar pasca siswazah yang dilantik sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah daripada dikenakan yuran pelajaran dalam sesuatu semester pengajian;

"Penyelidikan Selesai" bermaksud suatu penyelidikan yang laporan akhirnya dikemukakan kepada Universiti dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan, Perundingan, pengkomersialan dan Inovasi Universiti (MJ3PIU);

"Tempoh Lantikan" bermaksud tempoh lantikan sebagai Pembantu Penyelidik, Pembantu Penyelidik (Pelajar), Pembantu Penyelidik Siswazah atau Graduate Intern, yang mana berkenaan; dan

"UPSI" bermaksud Universiti Pendidikan Sultan Idris.

3. TERMA LANTIKAN

3.1 PEMBANTU PENYELIDIK (RA)

3.1.1	Syarat Lantikan	i. Calon memiliki minimum kelayakan akademik sekurang-kurangnya berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). ii. Calon yang sedang bercuti kerana melanjutkan pengajian dibawah Program Penawaran Biasiswa dan Cuti Belajar seperti SLAB,SLAI,SLKKAP,HLP dan lain-lain tidak layak dilantik sebagai Pembantu Penyelidik.
-------	-----------------	--

		iii. Guru atau pensyarah yang sedang melanjutkan pengajian separuh masa/tiada biasiswa tidak layak dilantik. iv. Calon yang dilantik tidak boleh menerima tawaran lantikan bagi geran penyelidikan yang lain dalam tempoh masa yang sama. v. Permohonan dibuka kepada sesiapa sahaja kecuali mereka yang ada hubungan keluarga dengan mana-mana penyelidik/ahli projek.												
3.1.2	Taraf Lantikan	i. Taraf lantikan adalah sementara samada gaji hari atau pun gaji bulan. ii. RA yang telah dilantik, tidak boleh menerima tawaran RA bagi geran penyelidikan yang lain dalam tempoh yang sama. iii. Lantikan juga tertakluk kepada baki peruntukan penyelidikan sedia ada, keperluan perkhidmatan dan persetujuan Ketua Penyelidik. iv. Lantikan ini bukanlah jaminan yang calon akan dipilih untuk lantikan tetap dalam perkhidmatan lain di Universiti Pendidikan Sultan Idris.												
3.1.3	Tempoh Lantikan	i. Lantikan di bawah Geran GPU - maksimum dua (2) tahun. ii. Lantikan di bawah Geran Luar dan Antarabangsa - berdasarkan tempoh geran dan peruntukkan kewangan.												
3.1.4	Gaji atau elaun	i. Kadar gaji RA tertakluk kepada geran penyelidikan universiti (Vot 11000). ii. Kadar bayaran adalah mengikut kelayakan seperti berikut (kelulusan JKTK kali ke-20, bil.3/2003) : <table><tr><td>a.</td><td>PhD</td><td>-</td><td>RM1,815.00/bulan (maksimum)</td></tr><tr><td>b.</td><td>Sarjana</td><td>-</td><td>RM1,617.00/bulan (maksimum)</td></tr><tr><td>c.</td><td>Sarjana Muda</td><td>-</td><td>RM1,419.00/bulan (maksimum) atau RM45.20/hari</td></tr></table>	a.	PhD	-	RM1,815.00/bulan (maksimum)	b.	Sarjana	-	RM1,617.00/bulan (maksimum)	c.	Sarjana Muda	-	RM1,419.00/bulan (maksimum) atau RM45.20/hari
a.	PhD	-	RM1,815.00/bulan (maksimum)											
b.	Sarjana	-	RM1,617.00/bulan (maksimum)											
c.	Sarjana Muda	-	RM1,419.00/bulan (maksimum) atau RM45.20/hari											

		<table><tr><td>d.</td><td>Diploma</td><td>-</td><td>RM902.00/bulan (maksimum) atau RM33.40/hari</td></tr><tr><td>e.</td><td>STPM</td><td>-</td><td>RM726.00/bulan (maksimum) atau RM27.00/hari</td></tr><tr><td>f.</td><td>SPM</td><td>-</td><td>RM473.00/bulan (maksimum) atau RM17.00/hari</td></tr></table>	d.	Diploma	-	RM902.00/bulan (maksimum) atau RM33.40/hari	e.	STPM	-	RM726.00/bulan (maksimum) atau RM27.00/hari	f.	SPM	-	RM473.00/bulan (maksimum) atau RM17.00/hari
d.	Diploma	-	RM902.00/bulan (maksimum) atau RM33.40/hari											
e.	STPM	-	RM726.00/bulan (maksimum) atau RM27.00/hari											
f.	SPM	-	RM473.00/bulan (maksimum) atau RM17.00/hari											
		iii. RA yang dilantik dibawah Geran Luar dan Antarabangsa, kadar gaji adalah tertakluk kepada pemberi geran dan kelulusan penyelidikan.												
3.1.5	Mod Pengajian	Tidak berkenaan.												
3.1.6	Pengecualian Yuran	Tidak berkenaan.												
3.1.7	Kuasa Melantik	Calon akan diperakukan oleh Ketua Penyelidik dan Fakulti. Surat lantikan hendaklah dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI).												
3.1.8	Akujanji Lantikan	Tidak berkenaan.												

3.2 PEMBANTU PENYELIDIK (PELAJAR) (RAS)

3.2.1	Syarat Lantikan	i. Calon memiliki minimum kelayakan akademik sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Siil Pelajaran Malaysia (SPM) dan merupakan pelajar UPSI yang aktif. ii. Calon yang sedang mengikuti cuti melanjutkan pengajian dibawah Program Penawaran Biasiswa dan Cuti Belajar seperti SLAB,SLAI,SLKKAP,HLP dan lain-lain tidak layak dilantik sebagai Pembantu Penyelidik. iii. Calon yang dilantik tidak boleh menerima tawaran lantikan bagi geran penyelidikan yang lain dalam tempoh yang sama. iv. Permohonan dibuka kepada sesiapa sahaja kecuali mereka yang ada hubungan keluarga dengan mana-mana penyelidik/ahli projek.
--------------	------------------------	--

3.2.2	Taraf Lantikan	i. Taraf lantikan adalah sementara samada gaji dibayar secara hari atau pun gaji bulan. ii. RAS yang telah dilantik, tidak boleh menerima tawaran sebagai RAS bagi geran penyelidikan yang lain dalam tempoh yang sama. iii. Lantikan juga tertakluk kepada baki peruntukan penyelidikan sedia ada, keperluan perkhidmatan dan persetujuan Ketua Penyelidik. iv. Lantikan ini bukanlah jaminan yang calon akan dipilih untuk lantikan tetap dalam perkhidmatan di Universiti Pendidikan Sultan Idris.																								
3.2.3	Tempoh Lantikan	i. Lantikan di bawah Geran GPU - maksimum dua (2) tahun. ii. Lantikan di bawah Geran Luar dan Antarabangsa - berdasarkan tempoh geran dan peruntukkan kewangan.																								
3.2.4	Gaji atau elaun	i. Kadar elaun RAS tertakluk kepada geran penyelidikan universiti (Vot 11000). ii. Kadar bayaran adalah mengikut kelayakan seperti berikut (kelulusan JKTK kali ke-20, bil.3/2003) : <table><tr><td>a.</td><td>PhD</td><td>-</td><td>RM1,815.00/bulan (maksimum)</td></tr><tr><td>b.</td><td>Sarjana</td><td>-</td><td>RM1,617.00/bulan (maksimum)</td></tr><tr><td>c.</td><td>Sarjana Muda</td><td>-</td><td>RM1,419.00/bulan (maksimum) atau RM45.20/hari</td></tr><tr><td>d.</td><td>Diploma</td><td>-</td><td>RM902.00/bulan (maksimum) atau RM33.40/hari</td></tr><tr><td>e.</td><td>STPM</td><td>-</td><td>RM726.00/bulan (maksimum) atau RM27.00/hari</td></tr><tr><td>f.</td><td>SPM</td><td>-</td><td>RM473.00/bulan (maksimum) atau RM17.00/hari</td></tr></table>	a.	PhD	-	RM1,815.00/bulan (maksimum)	b.	Sarjana	-	RM1,617.00/bulan (maksimum)	c.	Sarjana Muda	-	RM1,419.00/bulan (maksimum) atau RM45.20/hari	d.	Diploma	-	RM902.00/bulan (maksimum) atau RM33.40/hari	e.	STPM	-	RM726.00/bulan (maksimum) atau RM27.00/hari	f.	SPM	-	RM473.00/bulan (maksimum) atau RM17.00/hari
a.	PhD	-	RM1,815.00/bulan (maksimum)																							
b.	Sarjana	-	RM1,617.00/bulan (maksimum)																							
c.	Sarjana Muda	-	RM1,419.00/bulan (maksimum) atau RM45.20/hari																							
d.	Diploma	-	RM902.00/bulan (maksimum) atau RM33.40/hari																							
e.	STPM	-	RM726.00/bulan (maksimum) atau RM27.00/hari																							
f.	SPM	-	RM473.00/bulan (maksimum) atau RM17.00/hari																							

		iii. RAS yang dilantik dibawah Geran Luar dan Antarabangsa, kadar elaun adalah tertakluk kepada pemberi geran dan kelulusan penyelidikan.
3.2.5	Mod Pengajian	Tidak berkenaan.
3.2.6	Pengecualian Yuran	Tidak berkenaan.
3.2.7	Kuasa Melantik	Calon akan diperakukan oleh Ketua Penyelidik dan Fakulti. Surat lantikan hendaklah dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI).
3.2.8	Akujanji Lantikan	Tidak berkenaan.

3.3 Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

3.3.1	Syarat Lantikan	i. Warganegara Malaysia (bagi penyelidikan di bawah geran penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia). Bagi geran luar, geran antarabangsa atau geran anugerah yang ingin melantik GRA, calon boleh terdiri daripada pelajar bukan warganegara. ii. Calon telah mendaftar sebagai pelajar UPSI (bagi geran-geran NRGs/LRGs/yang telah ditetapkan oleh KPM) dalam Mod Penyelidikan (Mod A) bagi program Sarjana atau Kedoktoran (PhD) secara sepenuh masa. iii. Tidak menjadi GRA kepada mana-mana penyelidikan yang lain sama ada di UPSI atau lain-lain Universiti Awam. iv. Mencapai PNGK yang ditetapkan oleh Universiti. v. Dilantik di bawah Geran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti syarat yang telah ditetapkan oleh KPM atau di bawah geran luar, geran antarabangsa atau geran anugerah.
--------------	------------------------	--

		vi. Permohonan dibuka kepada semua pelajar pasca siswazah dan calon yang dilantik bukan dari keluarga/saudara mara terdekat dengan Ketua Penyelidik/Penyelidik bersama.																								
3.3.2	Taraf Lantikan	i. Lantikan adalah secara sementara untuk satu tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Ketua Penyelidik. ii. GRA yang dilantik tidak boleh menerima tawaran lantikan bagi geran penyelidikan yang lain dalam tempoh yang sama. iii. Lantikan juga tertakluk kepada baki peruntukan penyelidikan sedia ada, keperluan perkhidmatan dan persetujuan Ketua Penyelidik. iv. Lantikan ini bukanlah jaminan yang calon akan dipilih untuk lantikan tetap dalam perkhidmatan di Universiti Pendidikan Sultan Idris.																								
3.3.3	Tempoh Lantikan	Tempoh lantikan GRA perlu dalam tempoh projek aktif (minimum adalah (12) bulan untuk pelajar Sarjana/PhD dan perlu bergraduat (walaupun di luar tempoh penyelidikan).																								
3.3.4	Gaji atau elaun	i. Kadar elaun GRA tertakluk kepada kelulusan geran penyelidikan universiti (Vot 11000). ii. Kadar elaun bagi geran dalam adalah seperti berikut (kelulusan JKTK kali ke-37, bil.1/2009): <table><tr><td>Kategori</td><td>Elaun Maksimum</td></tr><tr><td>Sarjana</td><td>1,300.00</td></tr><tr><td>PhD</td><td>1,500.00</td></tr></table> iii. Kadar elaun adalah berbeza bagi setiap geran KPM mengikut tahun/fasa geran tersebut diluluskan : <table><tr><td>Geran</td><td>Sarjana (RM)</td><td>PhD (RM)</td></tr><tr><td>FRGS</td><td>1,800.00</td><td>2,300.00</td></tr><tr><td>ERGS</td><td>1,500.00</td><td>2,000.00</td></tr><tr><td>LRGS</td><td>1,800.00</td><td>2,300.00</td></tr><tr><td>RACE</td><td>1,500.00</td><td>2,000.00</td></tr><tr><td>RAGS</td><td>1,800.00</td><td>-</td></tr></table>	Kategori	Elaun Maksimum	Sarjana	1,300.00	PhD	1,500.00	Geran	Sarjana (RM)	PhD (RM)	FRGS	1,800.00	2,300.00	ERGS	1,500.00	2,000.00	LRGS	1,800.00	2,300.00	RACE	1,500.00	2,000.00	RAGS	1,800.00	-
Kategori	Elaun Maksimum																									
Sarjana	1,300.00																									
PhD	1,500.00																									
Geran	Sarjana (RM)	PhD (RM)																								
FRGS	1,800.00	2,300.00																								
ERGS	1,500.00	2,000.00																								
LRGS	1,800.00	2,300.00																								
RACE	1,500.00	2,000.00																								
RAGS	1,800.00	-																								

		TRGS	1,800.00	2,300.00
		NRGS	1,800.00	2,300.00
		PRGS	Siling upah dan elaun adalah tidak melebihi RM30,000.00	
		Sciencefund	Tidak melebihi RM2,500.00	
		iv. Sekiranya terdapat lantikan GRA dibawah geran luar, geran antarabangsa atau geran anugerah, jumlah elaun adalah tertakluk kepada ketetapan pemberi dana. Sekiranya tidak dinyatakan ianya akan ditentukan oleh ketua penyelidik.		
		v. Ketua penyelidik boleh menentukan kadar yang lebih rendah mengikut kemampuan peruntukan penyelidikan.		
3.3.5	Mod Pengajian	Mod A (Penyelidikan - Sepenuh masa) Tidak melebihi semester (empat) 4 bagi Sarjana Tidak melebihi semester (enam) 6 bagi PhD		
3.3.6	Pengecualian Yuran	i. Dikecualikan daripada pembayaran yuran pengajian sahaja bagi semester di mana lantikan ini berkuatkuasa. ii. Sekiranya GRA telah mendapat pembiayaan dari mana-mana pihak maka yuran pengajian tidak akan ditanggung oleh pihak Universiti. iii. Pemegang biasiswa KPM yang dilantik sebagai GRA tidak layak menerima pengecualian yuran pengajian walau bagaimanapun mereka layak menerima elaun bulanan.		
3.3.7	Kuasa Melantik	Calon akan diperakukan oleh Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan surat lantikan hendaklah dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI).		
3.3.8	Akujanji Lantikan	Pelajar yang ditawarkan sebagai GRA dikehendaki menandatangani Akujanji Lantikan.		

3.4 Graduate Intern

3.4.1	Syarat Lantikan	i. Calon yang dilantik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda
--------------	------------------------	---

		dengan Kepujian atau kelayakan yang setaraf dengannya ; atau ii. Pelajar yang berdaftar sepenuh masa dan separuh masa dengan Universiti Awam di peringkat pasca siswazah. iii. Calon dilantik untuk satu (1) tempoh yang tertentu oleh Ketua Penyelidik secara sementara. iv. Permohonan dibuka kepada sesiapa sahaja kecuali mereka yang ada hubungan keluarga dengan mana-mana penyelidik/ahli projek.
3.4.2	Taraf Lantikan	i. Pelajar yang berdaftar sepenuh masa dengan Universiti Awam di peringkat pasca siswazah. ii. Calon dilantik untuk satu (1) tempoh yang tertentu oleh Ketua Penyelidik secara sementara. iii. Pelantikan ini tidak memberi apa-apa jaminan yang calon akan dipilih untuk lantikan tetap sama ada dalam perkhidmatan sekarang atau dalam perkhidmatan lain di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
3.4.3	Tempoh Lantikan	Maksimum pelantikan adalah selama dua (2) tahun.
3.4.4	Gaji atau elaun	RM2,000.00/sebulan tertakluk kepada garis panduan KPT yang dikeluarkan oleh KPT dari semasa ke semasa.
3.4.5	Mod Pengajian	Tidak berkenaan.
3.4.6	Pengecualian Yuran	Tidak berkenaan.
3.4.7	Kuasa Melantik	Calon akan diperakukan oleh Ketua Penyelidik dan Fakulti. Surat lantikan hendaklah dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI).
3.4.8	Akujanji Lantikan	Tidak berkenaan.

4. FAEDAH DAN KEMUDAHAN

4.1 Perubatan

Pembantu Penyelidik (RA)	Sekiranya RA, RAS, GRA dan GI adalah pelajar UPSI yang aktif, mereka layak menerima rawatan perubatan di Pusat Kesihatan UPSI untuk diri mereka sendiri sahaja.
Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS)	
Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	
Graduate Intern (GI)	

4.2 Cuti Rehat

Pembantu Penyelidik (RA)	12 hari setahun dan mengikut budibicara/kelulusan dari Ketua Penyelidik masing-masing.
Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS)	
Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	Cuti rehat yang tidak diambil akan luput apabila lantikan tamat dan tidak dibenarkan menuntut.
Graduate Intern (GI)	

4.3 Cuti Sakit

Pembantu Penyelidik (RA)	Mengikut budibicara/kelulusan dari Ketua Penyelidik masing-masing.
Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS)	
Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	
Graduate Intern (GI)	

4.4 Tuntutan Perjalanan

Pembantu Penyelidik (RA)	Mengikut syarat dan kadar yang terpakai di UPSI.
Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS)	Mengikut syarat dan kadar yang terpakai di UPSI.
Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	Tidak berkenaan.
Graduate Intern (GI)	Tidak berkenaan.

4.5 KWSP Dan SOCSO

Pembantu Penyelidik (RA)	Mengikut syarat dan kadar yang terpakai di UPSI.
Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS)	Tidak berkenaan.
Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	Tidak berkenaan.
Graduate Intern (GI)	Tidak berkenaan.

4.6 Ganjaran/Bonus/Lain-Lain Insentif

Pembantu Penyelidik (RA)	Tidak berkenaan.
Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS)	Tidak berkenaan.
Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	Tidak berkenaan.
Graduate Intern (GI)	Tidak berkenaan.

4.7 Yuran Pengajian

Pembantu Penyelidik (RA)	Tidak berkenaan.
Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS)	Tidak berkenaan.
Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	Pengecualian yuran pengajian sepanjang semester lantikan berkuatkuasa, tertakluk kepada para 3.3.6.
Graduate Intern (GI)	Tidak berkenaan.

4.8 Yuran seminar/Persidangan/Kursus

Pembantu Penyelidik (RA)	Tidak berkenaan.
Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS)	Tidak berkenaan.
Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	GRA yang diarahkan membentangkan kertas kerja dalam seminar atau persidangan boleh menuntut yuran daripada peruntukan Tabung Amanah IPS. (tertakluk kepada Garis Panduan

	Pembiayaan Menggunakan Akaun Amanah IPS-Fakulti. yang diperakukan oleh MPE Bil.27/2014 pada November 2014).
Graduate Intern (GI)	Tidak berkenaan.

4.9 Yuran Menerbitkan Artikel Jurnal Berindeks

Pembantu Penyelidik (RA)	Tidak berkenaan.
Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS)	Tidak berkenaan.
Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	GRA yang diminta menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks boleh menuntut kos penerbitan artikel tersebut (jika ada) daripada peruntukan geran penyelidikan (MJPU kali ke-131 Bil.11/2014)
Graduate Intern (GI)	Tidak berkenaan.

5. Tatakelakuan dan Tatatertib

Setiap Pembantu Penyelidik (RA), Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS), Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan Graduate Intern (GI) yang dilantik di bawah garis panduan ini adalah tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Akta dan Peraturan-peraturan Universiti yang dibuat di bawahnya dan kepada kaedah-kaedah tatatertib dan apa-apa peraturan lain Universiti yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di Universiti ini.

6. Penamatan Pelantikan

6.1 Penamatan Melalui Notis

Penamatan pelantikan boleh dibuat sama ada oleh UPSI atau Pembantu Penyelidik (RA), Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS), Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) atau Graduate Intern (GI) dengan memberikan 60 hari notis bertulis atau membayar dua (2) bulan gaji/elaun, yang mana berkenaan sebagai ganti notis.

6.2 Penamatan Atas Maklumat Palsu atau Tidak Benar

Walau apapun yang dinyatakan dalam para 6.1 di atas, UPSI berhak menamatkan apa-apa pelantikan di bawah garis panduan ini tanpa memberikan

sebarang notis terlebih dahulu sekiranya didapati bahawa maklumat dalam mana-mana dokumen yang dikemukakan berkaitan dengan pelantikan ini adalah palsu atau tidak benar.

6.3 Penamatan Atas Masalah Kesihatan

6.2.1 Sekiranya terdapat keperluan untuk berhenti atas sebab kesihatan yang disahkan oleh ahli perubatan kerajaan atau Pusat Kesihatan UPSI, semua data dan apa-apa bahan/dokumen berkaitan projek penyelidikan yang berkaitan wajib diserahkan kepada Ketua Penyelidik.

6.2.2 Bagi Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA), kegagalan menyerahkan kembali semua data dan apa-apa bahan/dokumen berkaitan projek penyelidikan kepada Ketua Penyelidik akan menyebabkan GRA tersebut perlu membayar semula yuran pengajian yang telah dikecualikan sepanjang tempoh lantikan.

6.4 Lain-lain Sebab Penamatan

Sebagai tambahan kepada para 6.1 hingga 6.3 di atas, UPSI juga boleh menamatkan lantikan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) atas sebab-sebab berikut-

6.4.1 Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA):

- a. telah menamatkan tempoh pengajian;
- b. bertukar mod pengajian daripada Mod A kepada lain-lain mod atau kaedah pengajian daripada sepenuh masa kepada separuh masa;
- c. bertukar penyelia lain selain daripada kalangan ahli penyelidik yang dilantik; atau
- d. berhenti atau diberhentikan daripada pengajian;

6.4.2 tempoh penyelidikan telah tamat;

6.4.3 Peruntukan geran penyelidikan tidak mencukupi;

6.4.5 Permohonan daripada Ketua Penyelidik disebabkan prestasi GRA tidak memuaskan/masalah kesihatan/lain-lain masalah yang dalam perkiraan penyelia pelajar tidak mampu meneruskan kerja penyelidikan dan tesis/disertasinya, dengan syarat notis penamatan hendaklah dikemukakan kepada PPPI selewat-lewatnya 60 hari sebelum tarikh penamatan.; atau

6.4.6 tesis atau disertasi Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) tidak ada kaitan dengan penyelidikan induk.

7. Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Pelantikan Pembantu Penyelidik (RA), Pembantu Penyelidik (Pelajar) (RAS), Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan Graduate Intern (GI) hendaklah bukan dari kalangan keluarga/saudara mara terdekat dengan Ketua Penyelidik/Penyelidik bersama.